

SKEMA PROSA TRADISIONAL (MODUL AMANJAYA)

BAHAGIAN SATU ; SASTERA EPIK

SET 1 :

Teknik penceritaan :

i. Pemerian

Contoh : Maka pendekar Jepun itu pun turun ke tanah menghunus pedangnya serta dengan amarahnya, beberapa dilarang oleh hulubalang Siam tiada didengarnya / Phra Cau sendiri lalu dilarangnya.

[1+1]

ii. Dialog .

Contoh : “Hai Melayu , turunlah engkau ! Jika tiada turun supaya kunaiki balairung kutendas kepalamu.”

[1+1]

SET 2

Gaya bahasa :

i. sinkope – contoh : ku

ii. kata ganda – contoh : amun-amun

[4 markah]

SET 3 :

Latar tempat :

i. Hulu Siam

ii. Kemboja

iii.Kuala

iv .Benua Siam

[4 markah]

SET 4 :

Dua adab :

i. Masuk ke daam seorang diri

ii. tiada boleh masuk dengan budak-budak.

iii. Apabila sampai ke hadapan raja, merangkaklah sambil menyembah .

SET 5 :

Mesej :

- i. Kita janganlah bersifat pemarah.
- ii. Kita haruslah menghormati orang lain.
- iii. Kita hendaklah mempertahankan maruah diri/bangsa/negara.
- iv. Kita janganah mengeji orang lain/ menghina orang lain.

BAHAGIAN DUA ; SASTERA EPIK

SET 1 :

a) Perwatakan Hang Tuah

.i. Seorang yang **bijak berkata-kata**.

Contohnya, Hang Tuah telah berjaya memujuk Phya Cau supaya menerima adat kunjung hormat mengikut adat Melayu. Oleh itu, Laksamana tidak perlu merangkak dan sebaliknya berjalan serta berkeris sewaktu menghadap Raja Siam.

ii. **Seorang yang taat setia kepada raja**.

Contohnya, Laksamana Hang Tuah akur (setuju) akan perintah Raja Melaka untuk pergi ke Benua Siam bagi memenuhi hasrat raja yang ingin membeli enam ekor gajah.

iv. **Seorang yang gagah dan berani**.

Contohnya, Laksamana Hang Tuah berjaya membunuh pendekar Jepun iaitu Cin Tu./ Laksamana juga berjaya mengalahkan 7 lagi pendekar dari Jepun dan Kemboja.

b) Pengajaran

i. **kita hendaklah memiliki kebijaksanaan memperkatakan sesuatu perkara agar dapat meyakinkan orang lain**.

Contohnya, ketika Laksamana menghadap Raja Phra Cau, beliau telah berjaya memujuknya supaya menerima adat kunjung hormat mengikut adat Melayu. Oleh itu, Laksamana tidak perlu merangkak dan sebaliknya berjalan serta berkeris sewaktu menghadap Raja Siam.

ii. **rakyat hendaklah sentiasa menunjukkan sikap taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap raja**.

Contohnya, Laksamana Hang Tuah akur (setuju) akan perintah Raja Melaka untuk pergi ke Benua Siam bagi memenuhi hasrat raja yang ingin membeli enam ekor gajah.

iii. **kita hendaklah berani menghadapi ancaman musuh walau di mana kita berada**.

Contohnya, ketika Laksamana Hang Tuah berada di Siam, beliau telah berjaya membunuh pendekar Jepun iaitu Cin Cu. Laksamana juga berjaya mengalahkan 7 lagi pendekar dari Jepun dan Kemboja.

iv. **seseorang pemimpin hendaklah menghormati dan melayani tetamu yang bertandang ke negerinya**.

Contohnya, ketika Laksamana Hang Tuah pergi ke Siam, Raja Phra Cau bersetuju untuk menerima kunjungannya mengikut adat negeri Melaka. Oleh itu, Raja Siam menerima

kunjungan Laksamana dengan adat mengarak surat dan membenarkan Hang Tuah masuk menghadap dengan menggunakan adat Melayu iaitu berjalan dan berkeris.

SET 2 :

a) Persoalan

i. **sikap taat setia rakyat kepada raja.**

Contohnya, Laksamana Hang Tuah akur (setuju) akan perintah Raja Melaka untuk pergi ke Benua Siam bagi memenuhi hasrat raja yang ingin membeli enam ekor gajah.

ii.k **egagahan dan ke beranian yang dimiliki oleh pendekar**

contohnya, ketika Laksamana Hang Tuah berada di Siam, beliau telah berjaya membunuh pendekar Jepun iaitu Cin Cu. Laksamana juga berjaya mengalahkan 7 lagi pendekar dari Jepun dan Kemboja.

iii. **sikap menghormati dan melayan tetamu yang datang berkunjung ke sesebuah negeri.** Contohnya, ketika Laksamana Hang Tuah pergi ke Siam, Raja Phra Cau bersetuju untuk menerima kunjungannya mengikut adat negeri Melaka. Oleh itu, Raja Siam menerima kunjungan Laksamana dengan adat mengarak surat dan membenarkan Hang Tuah masuk menghadap dengan menggunakan adat Melayu iaitu berjalan dan berkeris.

iv. **persoalan tentang sikap murah hati yang dimiliki oleh seorang raja terhadap rakyatnya.** Contohnya, Raja Phra Cau (Raja Siam) telah menjamu rakyatnya dengan gendaga (sejenis siput) yang dibawa oleh Laksamana dari Berunei.

v. **kepentingan memelihara dan mengekalkan adat orang Melayu.** Contohnya, ketika Laksamana menghadap Raja Phra Cau, beliau telah berjaya memujuknya supaya menerima adat kunjung hormat mengikut adat Melayu. Oleh itu, Laksamana tidak perlu merangkak dan sebaliknya berjalan serta berkeris sewaktu menghadap Raja Siam.

b) Latar masyarakat

i. **Masyarakat Melayu.**

Contohnya, Hang Tuah dan rombongan Melayu Melaka mengadap Raja Siam.

ii. Masyarakat Siam

Contohnya, Hang Tuah dan rombongannya disambut oleh pembesar-pembesar Siam.

iii. Masyarakat yang taat kepada raja

Contohnya, Hang Tuah dan rombongannya ke Benua Siam kerana mejunjung perintah Sultan Melaka untuk membeli gajah

iv. **Masyarakat yang berpegang pada adat**

Contohnya, orang-orang Siam merangkak sambil menyembah raja mereka..

v. **Masyarakat yang tangkas bermain senjata**

Contohnya, Hang Tuah dan pendekar-pendekar Jepun tangkas bermain senjata.

SET 3 :

a) **ciri sastera epik menerusi**

i. **ketokohan wira**

Contohnya, Laksamana Hang Tuah memiliki sifat kepahlawanan, kegagahan dan keberanian yang sangat unggul. Beliau telah berjaya mengalahkan pendekar Jepun iaitu Cin Cu dan tujuh lagi pendekar dari Jepun serta Kemboja.

ii. keistimewaan dan ilmu kesaktian yang dimiliki oleh tokoh wira.

Contohnya, ketika diserang oleh orang Jepun, Hang Tuah membaca pustakanya (ilmunya) sehingga menyebabkan bedil orang Jepun tidak berfungsi.

iii. latar tempat yang sangat luas.

Contohnya, Hang Tuah telah diutuskan oleh Raja Melaka ke Siam untuk membeli enam ekor gajah.

iv. kewujudan tokoh wira yang menjadi kebanggaan bangsa sehingga kini.

Contohnya, dalam kalangan bangsa Melayu Hang Tuah dianggap sebagai tokoh legenda yang tidak mempunyai tolol bandingannya sehingga kini.

b) nilai murni

i. nilai kebijaksanaan.

Contohnya, ketika Laksamana menghadap Raja Phra Cau, beliau telah berjaya memujuknya supaya menerima adat kunjung hormat mengikut adat Melayu. Oleh itu, Laksamana tidak perlu merangkak dan sebaliknya berjalan serta berkeris sewaktu menghadap Raja Siam.

ii. nilai kesetiaan.

Contohnya, Laksamana Hang Tuah akur (setuju) akan perintah Raja Melaka untuk pergi ke Benua Siam bagi memenuhi hasrat raja yang ingin membeli enam ekor gajah.

iii. nilai keberanian.

Contohnya, ketika Laksamana Hang Tuah berada di Siam, beliau telah berjaya membunuh pendekar Jepun iaitu Cin Cu. Laksamana juga berjaya mengalahkan 7 lagi pendekar dari Jepun dan Kemboja.

iv. nilai murah hati.

Contohnya, Raja Phra Cau (Raja Siam) telah menjamu rakyatnya dengan gendaga (sejenis siput) yang dibawa oleh Laksamana dari Berunai.

SET 4 :

a) tema

keikhlasan (kejujuran) dalam melaksanakan sesuatu perkara boleh membawa kebaikan kepada diri sendiri dan keluarga.

Contohnya, hubungan istimewa antara anak ular naga dengan budak miskin membawa tuah kepada keluarganya. Orang ramai memberikan pelbagai hadiah seperti beras, buah-buahan dan baju kepada budak miskin. Syahbandar dan raja yang tertarik hati dengan keikhlasan budak miskin juga memberikan pelbagai hadiah.

b) persoalan

i. sikap taat setia kepada pemerintah.

Contohnya, budak miskin pergi ke rumah Syahbandar setelah teman Syahbandar menyampaikan hasrat bahawa Syahbandar ingin melihat anak ular naga itu.

ii. kasih sayang manusia terhadap binatang.

Contohnya, budak miskin memelihara dan menyayangi anak ular naga, anak helang dan anak tikus. Budak miskin berasa susah hati dan terus mencari anak ular naga apabila menghilangkan diri secara tiba-tiba.

iii. sikap bertanggungjawab terhadap anggota keluarga.

Contohnya, bonda si miskin sentiasa menyediakan makanan untuknya. Bonda si miskin juga bertanggungjawab menasihati anaknya agar menjaga dan menyesuaikan diri ketika berada di rumah Syahbandar.

iv. sikap mengenang jasa (baik hati) yang dimiliki oleh binatang terhadap manusia.

Contohnya, nenda (nenek) anak naga telah memberikan cincin sakti yang terdapat dalam mulutnya kepada budak miskin kerana telah menjaga cucunya selama ini. Cincin sakti ini dapat digunakan oleh budak miskin untuk mendapatkan makanan dalam sekilip mata.

c) Perwatakan Budak Miskin

i. Seorang yang penyayang.

Contohnya, budak miskin memelihara dan menyayangi anak ular naga, anak helang dan anak tikus. Budak miskin berasa susah hati dan terus mencari anak ular naga apabila menghilangkan diri secara tiba-tiba.

ii. Seorang yang taat setia kepada pemerintah.

Contohnya, budak miskin pergi ke rumah Syahbandar setelah teman Syahbandar menyampaikan hasrat bahawa Syahbandar ingin melihat anak ular naga itu.

iii. Seorang yang memiliki semangat setia kawan.

Contohnya, Budak Miskin sentiasa bersama-sama dengan anak ular naga, anak helang dan anak tikus. Budak Miskin juga berasa sedih dan susah hati apabila anak ular naga menghilangkan diri. Oleh itu, beliau telah berusaha mencarinya sehingga berjaya menemuinya.

SET 5 :

a) persoalan

i. kezaliman dan kekejaman yang dilakukan oleh seseorang ibu.

Contohnya, permaisuri telah menitahkan pelebaya (pembesar) untuk membunuh menantunya iaitu Ken Tambohan. Oleh itu, Pelebaya telah membawa Ken Tambohan di dalam hutan lalu menghunus keris dan menikam mati Ken Tambohan.

ii. kesetiaan yang dimiliki oleh sepasang suami isteri.

Contohnya, Raden Inu sangat setia akan isteri kesayangannya iaitu Ken Tambohan. Oleh itu, sebaik sahaja baginda melihat mayat isterinya di atas rakit, baginda menangis dan membunuh diri dengan menikam dadanya.

iii. **pembalasan yang diterima oleh seseorang akibat perbuatannya yang kejam.** Contohnya, Sang Nata (ayahanda Raden Inu) telah menitahkan agar Pelebaya dihukum bunuh dan rumahnya dibakar. Permaisuri pula dihukum agar berada di luar istana untuk menjaga anjing perburuan banginda. Hal ini disebabkan Pelebaya dan permaisuri terlibat dalam rancangan membunuh Ken Tambohan.

iv. **sikap bersimpati terhadap insan yang bernasib malang.**

Contohnya, Betara Guru (dewa kayangan) bersimpati terhadap nasib yang menimpa Raden Inu dan Ken Tambohan. Oleh itu, Betara Guru menitahkan Betara Kala untuk turun ke bumi dan menghidupkan kembali pasangan suami isteri tersebut. Betara Kala menggunakan bunga kembang ganda pura dan bunga kembang wijaya mala untuk menghidupkan pasangan tersebut.

b) **nilai murni**

i. **nilai kasih sayang.**

Contohnya, Raden Inu Kertapati (Raden Inu, Inu Bangsawan, Raden Menteri) sangat mencintai isterinya iaitu Raden Puspa Kencana (Ken Tambohan). Baginda sanggup membunuh diri setelah melihat mayat Ken Tambohan di atas rakit semasa berburu kijang dan pelanduk di dalam hutan. Betara Kala (dewa) yang berada di kayangan akhirnya telah turun ke bumi dan berjaya menghidupkan kembali pasangan suami isteri tersebut.

ii. **nilai kesetiaan.**

Contohnya, Raden Inu sangat setia akan isteri kesayangannya iaitu Ken Tambohan. Oleh itu, sebaik sahaja baginda melihat mayat isterinya di atas rakit, baginda menangis dan membunuh diri dengan menikam dadanya.

iii. **nilai simpati.**

Contohnya, Betara Guru (dewa kayangan) bersimpati terhadap nasib yang menimpa Raden Inu dan Ken Tambohan. Oleh itu, Betara Guru menitahkan Betara Kala untuk turun ke bumi dan menghidupkan kembali pasangan suami isteri tersebut. Betara Kala menggunakan bunga kembang ganda pura dan bunga kembang wijaya mala untuk menghidupkan pasangan tersebut.

c) **unsur pengajaran**

i. **Kita hendaklah menyayangi antara satu sama lain.**

Contohnya, Raden Inu Kertapati (Raden Inu, Inu Bangsawan, Raden Menteri) sangat mencintai isterinya iaitu Raden Puspa Kencana (Ken Tambohan). Baginda sanggup

membunuh diri setelah melihat mayat Ken Tambohan di atas rakit semasa berburu kijang dan pelanduk di dalam hutan. Betara Kala (dewa) yang berada di kayangan akhirnya telah turun ke bumi dan berjaya menghidupkan kembali pasangan suami isteri tersebut.

ii. Kita janganlah bersikap zalim terhadap orang lain.

Contohnya, Sang Nata (ayahanda Raden Inu) telah menitahkan agar Pelbaya dihukum bunuh dan rumahnya dibakar. Permasuri pula dihukum agar berada di luar istana untuk menjaga anjing perburuan banginda. Hal ini disebabkan Pelebaya dan Permaisuri terlibat dalam rancangan membunuh Ken Tambohan.

iii. kita hendaklah bersimpati terhadap insan yang bernasib malang.

Contohnya, Betara Guru (dewa kayangan) bersimpati terhadap nasib yang menimpa Raden Inu dan Ken Tambohan. Oleh itu, Betara Guru menitahkan Betara Kala untuk turun ke bumi dan menghidupkan kembali pasangan suami isteri tersebut. Betara Kala menggunakan bunga kembang ganda pura dan bunga kembang wijaya mala untuk menghidupkan pasangan tersebut.

SET 6 :

a) Tema

keikhlasan (kejujuran) dalam melaksanakan sesuatu perkara boleh membawa kebaikan kepada diri sendiri dan keluarga.

Contohnya, hubungan istimewa antara anak ular naga dengan budak miskin membawa tuah kepada keluarganya. Orang ramai memberikan pelbagai hadiah seperti beras, buah-buahan dan baju kepada budak miskin. Syahbandar dan raja yang tertarik hati dengan keikhlasan budak miskin juga memberikan pelbagai hadiah.

b) Latar tempat dan peristiwa

i. Rumah budak miskin .

Contoh : budak Miskin menyimpan seekor anak naga

ii. RUMah Syahbandar

Contoh : Budak Miskin membawa ular anak naganya / Budak Miskin menerima banyak barang sedekah daripada Syahbandar dan orang ramai.

iii. Istana .

Contoh : Budak Miskin membawa ular anak naganya mengadap raja.

iv. Sungai

Contoh : Tempat anak ular naga berendam

liv. Tasik Hijau

Contoh : Tempat tinggal datuk anak naga/ Budak Miskin mendapat cincin hikmat.

v. Kolam

Contoh : Budak Miskin mendapat tongkat setelah membekukan hulubalang naga di kolam itu.

c) Nilai Murni

i. Kasih Sayang

Contoh : Budak Miskin amat menyayangi anak ular naga

ii. Baik Hati

Contoh : Syahbandar dan Rakyat memberi pelbagai sedekah/ makanan kepada budak Miskin.

iii. Kebijaksanaan/ Bijaksana

Contoh : Budak Miskin berjaya merampas tongkat sakti daripada hulubalang naga dengan kebijaksanaannya.

iv. Mengenang Jasa

Contoh : Anak raja menyuruh budak miskin meminta cincin hikmat yang berada dalam mulut datuknya sebagai upah menjaganya.